



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 48/2021 dari 28 November hingga 4 Disember 2021)

Pada minggu ke-48, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 12 kes (2.4%), menjadikan jumlah kes 502 berbanding 490 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kes kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-48. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 24,049 kes berbanding 86,406 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak 62,357 kes (72.2%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 19 kematian berbanding 140 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 121 kematian (86.4%) (**Lampiran A & C**). Jumlah lokaliti hotspot pada minggu ke-48 tidak berubah berbanding minggu sebelumnya, iaitu sebanyak lapan (8) lokaliti hotspot dilaporkan dengan kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. (**Lampiran B & D**).

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 20 kes pada minggu ke-48 yang mana lapan (8) kes dari Selangor, tujuh (7) kes dari WPKL & Putrajaya, tiga (3) kes dari Negeri Sembilan dan masing-masing satu (1) kes dari Pulau Pinang dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,335 (**Lampiran E**). Bagi survelan Zika, sebanyak 1,460 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Agensi Angkasa Malaysia, yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mewujudkan portal *iDengue* bagi kegunaan pelbagai pihak. Pelbagai informasi dapat diakses melalui portal ini, contohnya data lokaliti kes Denggi, pola peningkatan/penurunan kes Denggi, infografik pencegahan dan promosi kesihatan Denggi serta pelbagai maklumat lain yang berkaitan. Portal ini dapat dicapai melalui pautan <https://idengue.mysa.gov.my/>. Melalui maklumat yang dikongsi, masyarakat dapat melakukan tindakan proaktif seperti meningkatkan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes. Cegah Denggi, bermula dari diri kita sendiri. ***Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.***




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
15 Disember 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 47 dan ke- 48 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 48 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-48 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 48/2021
(28 November hingga 4 Disember 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 48/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 48/2020	
		Minggu 48 (28 November – 4 Disember 2021)		Minggu 47 (21 November – 27 November 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	14	0	23	0	526	1	752	0
3	P. Pinang	8	0	9	0	374	0	976	2
4	Perak	4	0	7	0	525	1	2,583	3
5	Selangor	300	0	291	0	14,336	2	42,795	37
6	WP KL & Putrajaya	55	0	39	0	2,887	2	10,177	7
7	N. Sembilan	10	0	20	0	574	1	2,790	8
8	Melaka	11	0	12	0	564	0	2,675	8
9	Johor	32	1	26	0	1,646	5	10,982	42
10	Pahang	9	0	4	0	408	2	3,086	8
11	Terengganu	2	0	2	0	41	0	380	0
12	Kelantan	5	0	4	0	203	0	3,814	7
13	Sarawak	15	0	8	0	367	0	1,462	2
14	Sabah	37	0	45	0	1,573	5	3,848	16
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	6	0
	MALAYSIA	502	1	490	0	24,049	19	86,406	140

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 48/2021
(28 November hingga 4 Disember 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	21	93
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 16-19 Taman Saga	22	72
3	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Armanee Kondo	22	63
4	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 4 (Teres A : Jln 4/2 - 4/3)	10	51
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berlian	16	46
6	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (A,B,C)	11	46
7	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	14	45
8	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	18	40

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 48/2021 (4 Disember 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	138
		Kota Setar	15	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	47
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	22	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	13	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	17	17
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	37	71
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	3	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	24	

9.	Selangor	Gombak	161	303
		Hulu Langat	78	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	453
		Kepong	160	
		Lembah Pantai	63	
		Titivangsa	179	
JUMLAH KUMULATIF			1,335	